

Headline	TNB raih anugerah inovasi Red Hat		
MediaTitle	Kosmo		
Date	10 Oct 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	137 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,707		



# TNB raih anugerah inovasi Red Hat

KUALA LUMPUR - Peneraju penyedia penyelesaian sumber terbuka global, Red Hat, Inc. (Red Hat) mengumumkan Tenaga Nasional Bhd. (TNB) sebagai pemenang Anugerah Inovasi APAC Red Hat bagi Malaysia.

Penganugerahan tersebut disampaikan pada penganjuran Forum Red Hat Malaysia di sini baru-baru ini.

Red Hat dalam satu kenyataan berkata, pemenang anugerah tahun ini adalah berdasarkan integrasi cemerlang dalam menggunakan solusi Red Hat dan bagaimana penggunaannya dapat menangani cabaran, mengubah dan memodenkan teknologi

maklumat (IT) syarikat terlibat bagi memacu inovasi dan kelancaran operasi.

“Sebagai antara syarikat utiliti tenaga elektrik terbesar di rantau Asia Tenggara dan di Malaysia, TNB baru-baru ini telah melaksanakan transformasi untuk memodenkan persekitaran yang sebelum ini berdasarkan kepada sistem-sistem Unix ke-pada platform sumber terbuka berasaskan penyelesaian Red Hat.

“Platform terbaharu ini menawarkan TNB perkakasan yang diperlukan untuk mewujudkan platform infrastruktur yang stabil, boleh dipercayai dan selamat.

“Ini akan membolehkan syarikat tersebut menghadapi cabaran masa kini dengan fleksibiliti untuk menyesuaikan operasi berdasarkan keperluan masa hadapan,” katanya di sini semalam.

Menurut Red Hat, modenisasi platform infrastruktur IT berkenaan turut menawarkan teras yang kukuh kepada aplikasi perniagaan TNB selain keupayaan untuk merangsang kecekapan dan meningkatkan pengalaman pelanggan melalui penyelesaian digital baharu.

“TNB menjangkakan penyelesaian Red Hat itu dapat membantu mencapai pengurangan kos pemilikan keseluruhan serta menambah kecekapan,” ujarnya.

